

## KERATAN AKHBAR

TARIKH : 26 JANUARI 2023  
AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 7

### Koridor ekonomi perluas projek rantaian makanan

# Koridor ekonomi perluas projek rantaian makanan

**Kementerian tunggu maklum balas GLC, agensi sedang kenal pasti tanaman baharu**

Oleh Irwan Shafrizan Ismail  
[bhnews@bh.com.my](mailto:bhnews@bh.com.my)

**Putrajaya:** Agensi pelaksana koridor ekonomi seperti Ekonomi Wilayah Pantai Timur (ECER), Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER) dan Wilayah Iskandar sedang dalam proses mengembangkan lagi projek berkaitan nilai rantai makanan.

Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli, berkata pihak pengendali koridor ekonomi sudah diberi arahan dan mandat bahawa perkara itu adalah tumpuan kerajaan.

Selain itu, Rafizi berkata, ke-

menteriannya juga menunggu maklum balas cadangan beberapa syarikat berkaitan kerajaan (GLC) bagi kajian kebolehlaksanaan berkaitan rantai makanan. "Kementerian Ekonomi sudah berbincang dengan beberapa GLC. Kita sedang menunggu mereka kembali dengan beberapa cadangan, pelaburan berimpak tinggi dalam sektor makanan, terutama yang bersifat huluan," katanya pada sidang media semalam.

Mengulas peranan pihak berkuasa koridor ekonomi, Rafizi berkata, agensi berkenaan sedang mengenal pasti tanaman baharu untuk dipadankan dengan tanah, penerima, pengusaha, pembeli dan proses ini akanambil sedikit masa.

"Di Johor (Wilayah Iskandar) mereka ada melihat beberapa projek yang boleh dipertimbangkan, pertanian kontrak dan sebagainya untuk dipadankan," katanya sambil menambah pelaburan yang hendak masuk ke Ma-

laysia juga perlu dipastikan bersifat agro teknologi.

Akan tetapi, untuk masuk dan kekal lama di negara ini mereka memerlukan ekosistem pertanian yang boleh dikekalkan, termasuk bahan mentah.

"Contoh tanam jagung bila haraga jagung jatuh mendadak, tidak ada orang tengok. Jadi, mereka perlukan campur tangan kerajaan pada peringkat pembekalan itu untuk memastikan dibekalkan untuk satu tempoh," katanya.

**Pelaburan berimpak tinggi**  
Berhubung peranan GLC, Rafizi berkata, pihaknya sedang menunggu beberapa cadangan, pelaburan berimpak tinggi dalam sektor makanan, terutama yang bersifat huluan.

"Kita tahu masalah kita selalu pelaburan pada peringkat huluan rantai makanan yang agak mahal, kerana hendak buat itu perlukan teknologi, kepakanan, pelaburan besar yang mana pengusaha pertanian biasa ini di-

luar kemampuan mereka.

"Jadi, sebahagian tugas ini memang kita minta supaya GLC pertimbangkan, jadi saya menunggu beberapa GLC yang saya duduk berbincang untuk mereka datang balik dengan kajian kebolehlaksanaan."

"Perlu dipastikan GLC buat perniagaan yang boleh buat duit dan boleh dikekalkan, kalau tidak, lepas dua tahun umum, lepas itu tidak jalan," katanya.

Beliau berkata, semua perkara dijalankan dalam tempoh dua bulan lalu dan ketika ini sedang menunggu proses seterusnya.

"Sebab itu saya sebut berulang kali, dalam kita menyelesaikan masalah dari segi perbekalan rantai makanan ini, kita juga perlukan orang ramai dan ekonomi kita memberi tindak balas kepada bila harga barang tertentu itu turun.

"Ini supaya tindak balas itu boleh disambut peniaga untuk turut melambangkan penurunan harga sepatutnya," katanya.